



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2021;**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN;**

DAN

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2021 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022, LKAN Tahun 2021 Siri 1

mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022 dan LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya LKAN tersebut telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada **25 November 2022**.

3. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2021 antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:
 - 3.1. Pengauditan yang dijalankan mendapati penyata kewangan bagi Negeri Sembilan telah diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
 - 3.2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 ialah RM733.63 juta, menurun sebanyak RM151 juta berbanding RM884.63 juta pada akhir tahun 2020. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri mencatatkan defisit semasa Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM100.07 juta berbanding defisit pada tahun 2020 sejumlah RM42.13 juta.
 - 3.3. Kutipan hasil menurun sebanyak RM50.44 juta (11.3%) menjadi RM397.44 juta pada tahun 2021 berbanding RM447.88 juta pada tahun 2020. Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sebanyak RM24.25 juta kepada RM395.81 juta pada tahun 2021 berbanding RM420.06 juta pada tahun 2020.
 - 3.4. Pembayaran di bawah AP 58(a) menurun dengan ketara sejumlah RM1.02 juta (50.5%) menjadi RM1 juta berbanding RM2.02 juta pada tahun 2020. Sejumlah 98 baucar bayaran di bawah AP 58(a) bernilai

RM0.42 juta tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi mengikut tahun perkhidmatan dilaksanakan/diterima.

- 3.5. Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Pembangunan mencatatkan kurangan berjumlah RM19.32 juta berbanding lebih sejumlah RM0.63 juta pada tahun 2020. Sejumlah RM144.44 juta (94.4%) telah dibelanjakan pada tahun 2021 berbanding RM153 juta yang diperuntukkan. Keseluruhan 947 projek pembangunan telah berjaya dilaksanakan.
 - 3.6. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM5.07 juta (11.1%) menjadi RM40.66 juta berbanding RM45.73 juta pada tahun 2020. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut telah berkurang sebanyak RM0.32 juta (2.2%) kepada RM13.99 juta pada tahun 2021 berbanding RM14.31 juta pada tahun 2020.
 - 3.7. Baki Hutang Awam menurun sebanyak RM1.66 juta (0.2%) menjadi RM927.53 juta berbanding RM929.19 juta pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sebanyak RM47.57 juta (13%) menjadi RM412.43 juta berbanding RM364.86 juta pada tahun 2020.
 - 3.8. Baki Akaun Belum Terima menurun sebanyak RM4.25 juta (2.8%) kepada RM145.15 juta pada tahun 2021 berbanding RM149.40 juta pada tahun 2020.
4. LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan ini meliputi satu aktiviti syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lain mengandungi perkara seperti berikut:
 - 4.1. Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. [Menteri Besar Negeri Sembilan (Pemerbadanan)]**
 - a. Secara keseluruhannya, Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) telah mencapai objektif penubuhan melalui aktiviti membekalkan air terawat dan berkualiti. Bagaimanapun pencapaian KPI seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara masih belum dapat dicapai sepenuhnya.

Amalan tadbir urus korporat SAINS pada tahap baik dan boleh dipertingkatkan lagi terutamanya berkaitan peranan Setiausaha Syarikat dan tatacara kewangan berkaitan simpanan tetap. Kedudukan kewangan pula, walaupun berada pada tahap stabil, usaha yang lebih giat perlu dijalankan bagi mengutip hasil dan mengurangkan tunggakan pembiutang.

- b. Antara penemuan Audit yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:
- i. kadar rizab margin bagi keseluruhan Negeri Sembilan mencatat paras antara 20.6% hingga 27.6% berbanding sasaran tahun 2018 hingga 2020 (20%). Pada tahun 2021, pencapaian sebenar telah menurun kepada 19%, namun masih berada dalam sasaran SAINS iaitu 18.9%. Ini menunjukkan rizab bekalan air mencukupi untuk menampung permintaan air daripada pengguna;
 - ii. bagi tahun 2018 hingga 2021, bilangan aduan bekalan air yang berjaya diselesaikan masing-masing ialah 77.7%, 85%, 82.3% dan 87.6%;
 - iii. pencapaian paras *Non-Revenue Water* (NRW) bagi tahun 2018 hingga 2021 adalah kurang memuaskan kerana melebihi KPI yang ditetapkan. Pada tahun 2018 dan 2019, pencapaian kadar NRW ialah 31.9%, iaitu melebihi KPI tahun 2018 (28%) dan 2019 (26%). Keadaan sama turut berlaku pada tahun 2020 dan 2021 di mana pencapaian kadar NRW masing-masing ialah 31.8% dan 32.3%, iaitu melebihi KPI tahun 2020 (25%) dan 2021 (31.2%);
 - iv. bagi tahun 2018 hingga 2021, kos operasi sebenar setiap m^3 air terawat yang dikeluarkan pada tahun 2018 hingga 2020 telah mencapai KPI yang ditetapkan iaitu antara RM0.72 hingga RM0.74 kecuali pada tahun 2021 sejumlah RM0.69.
 - v. bagi tahun 2018 sehingga 2021, SAINS menanggung kerugian antara RM0.14 hingga RM0.19 bagi setiap pembekalan 20 m^3

- air yang pertama kepada pengguna kategori domestik. Tanpa kenaikan tarif air sejak tahun 2015, SAINS telah terkesan dalam mengimbangi kos operasi dan pendapatannya sekaligus memberi impak terhadap penyata kewangan; dan
- vi. pada tahun 2018 hingga 2021, tunggakan hasil air yang tertinggi adalah tunggakan yang melebihi tempoh 90 hari sejumlah RM28.57 juta (2018), RM26.95 juta (2019), RM29.09 juta (2020) dan RM31.65 juta (2021). Akaun domestik mencatat tunggakan yang lebih besar berbanding akaun komersial, agensi kerajaan dan lain-lain.
5. LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan meliputi satu aktiviti di dua jabatan dan satu syarikat Kerajaan negeri. Laporan tersebut antara lain mengandungi perkara seperti berikut:
- ### **5.1. Pengauditan Prestasi Jabatan Negeri**
- #### **5.1.1. Pengurusan Bahan Batuan (Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan/Pejabat Daerah Dan Tanah Seremban)**
- Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan bahan batuan daerah Seremban adalah baik kerana kutipan royalti tahunan melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Bagi aspek pengurusan aktiviti, pelaksanaannya kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam aspek berikut;
- a. satu kawasan pengeluaran tanah merah tiada kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri;
- b. kelewatan pertukaran syarat nyata tanah bagi tiga kawasan pengeluaran batu kuari daripada kategori pertanian dan bangunan kediaman kepada kategori perindustrian boleh menyebabkan Kerajaan negeri kehilangan hasil cukai tanah;

- c. 31 kawasan pengeluaran bahan batuan masih menggunakan sistem e-Doket secara luar talian (offline); dan
- d. berlaku pencemaran alam sekitar daripada aktiviti pengeluaran bahan batuan seperti pelepasan habuk, debu dan jalan rosak yang boleh menjadkan kualiti hidup penduduk.

5.1.2. YNS Management Sdn. Bhd. (Yayasan Negeri Sembilan)

Hasil pengauditan secara keseluruhannya mendapati beberapa amalan dalam tadbir urus YNSM tidak selaras dengan tadbir urus korporat seperti berikut:

- a. pelantikan Pengerusi tidak dibuat dengan kontrak bertulis dan jelas;
 - b. piagam Lembaga Pengarah serta Kod Tatalaku dan Etika tidak disediakan;
 - c. tidak menyediakan sebarang pelan latihan kepada program pembelajaran berterusan;
 - d. peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat tidak dilaksanakan dengan berkesan;
 - e. terma rujukan perkhidmatan sebagai Ketua Eksekutif dan manfaat yang diperoleh juga tidak dinyatakan dengan jelas dalam surat lantikan;
 - f. tidak menyediakan SOP berkaitan latihan kakitangan, perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan landskap serta pengurusan aduan; dan
 - g. Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan.
6. Ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan

penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 2 syor audit dalam LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan negeri dan Agensi Negeri Sembilan Tahun 2021; 4 syor audit dalam LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan negeri; dan 7 syor audit dalam LKAN Tahun 2020 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sembilan.

7. Laporan ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> selepas pembentangan di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada 25 November 2022 mulai jam 3.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

25 November 2022
30 Rabiul Akhir 1444 H